

# Anwar serius basmi ketirisan dana awam

PM akui tidak terganggu pelbagai tohmahan tindakan bermotif politik

Oleh Muhammad Zulsyamini  
Sufian Suri  
bhnews@bh.com.my

**Ipoh:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan beliau tidak terganggu dengan pelbagai tohmahan dan tuduhan kononnya tindakan membasmi ketirisan yang dilaksanakan Kerajaan Perpaduan bermotifkan politik.

Perdana Menteri sebaliknya berkata, pembangunan nilai murni serta akhlak mesti terus ditekankan dalam menjayakan konsep Malaysia MADANI yang sedang serius membasmi ketirisan serta penyelewengan wang negara.

Tanpa merujuk mana-mana pihak secara terperinci, Anwar berkata, dana negara, negeri serta bandar raya tidak boleh di-

izinkan untuk diambil secara haram bagi memperkayakan sege-lintir pihak.

Begitu juga, katanya, tidak mungkin diizinkan tanpa kecuali bagi sesiapa untuk berasa bebas ‘menggondol’ hak dan dana rakyat serta berasakan diri mereka boleh terlepas.

“Saya tak peduli apa yang disebut dan ditohmahkan di luar ataupun dianggap ini (usaha basmi ketirisan dana awam) satu tindakan politik. Percayalah, kita serius untuk bangkit dan pastikan perubahan ini berlaku.

“Ini boleh berlaku kalau jentera kerajaan dan rakyat bersama dengan kita di semua peringkat. Saya hendak pastikan hal ini (ketirisan) tidak berlaku, berilah kita kesempatan dalam Kerajaan Perpaduan ini untuk melaksanakan program untuk bersihkan negara daripada segala ketelanjuran perompak-perompak besar,” katanya.

Berucap demikian ketika merasmikan Hari Landskap Negara 2023 di Laman Sejahtera Taman D R Seenivasagam, di sini semalam, Anwar berkata, beliau tidak mahu Malaysia sekadar

menjadi contoh dan kebanggaan dari segi pencapaian pembangunan infrastruktur serta dianggap ikonik.

“Saya tidak mahu Malaysia jadi contoh hanya dengan bangunan paling tinggi, jambatan paling panjang, gedung paling besar, tapi antaranya, rakyatnya paling menderita,” katanya.

## Konsep Malaysia MADANI

Perdana Menteri menegaskan, konsep Malaysia MADANI mesti menitikberatkan keseimbangan komuniti dalam pembangunan supaya pemacuan pertumbuhan dirasai semua golongan secara seimbang antara rakyat kelas atasan dan bawahan.

Katanya, langkah itu harus bermula daripada peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT) setiap negeri dalam memastikan bahawa seluruh rakyat tanpa mengira kaum diberi pembelaan dan hak mereka terpelihara.

“Takkanlah bila kita kenali Kuala Lumpur dengan Menara Berkembar dan Menara KL umpamanya atau dengan semua berimej besar, tetapi gerainya brok (usang) seperti usia sejak



Anwar menerima orkid hibrid baharu dinamakan Aranda PMX-Anwar daripada Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming pada majlis perasmian Hari Landskap Negara 2023 di Ipoh, semalam.

(Foto BERNAMA)

1950-an? Nampak seolah perancangan kita ini yang memihak kepada satu kelas sahaja. Saya tak mahu begitu.

“Sebab itu kita harus betulkan. Tidak terlalu lambat untuk dibetulkan. Untuk betulkan adalah supaya kita benar-benar berhasil menjaga nilai dan akhlak kita, jaga pendekatan yang lebih adil dan barulah kita dapat jadi con-

toh kepada manusia lain.

“Antara rumah mahligai dan rumah rakyat, antara restoran mewah dan gerai rakyat, indah dan bersih, ada kehijauan ada taman untuk rakyat,” katanya mengingatkan semua pemimpin PBT seluruh negara meneliti semula pelan pembangunan mereka agar misi pembangunan seimbang dapat dijayakan.